

13/03/2004

Lahir pemandu bukan tugas SIC

Zairee Zahir

SEPANG International Circuit (SIC) sebagai penganjur dan promoter acara perlumbaan antarabangsa dan tempatan berfungsi menyemarakkan minat dan menyediakan tapak awal buat pelumba dan penunggang berpotensi tempatan mengasah bakat.

Sehubungan itu, Pengerusi SIC Datuk Mokhzani Mahathir berkata, pihaknya tidak harus dipersalahkan sekiranya sukan permotoran di negara ini masih berjalan lembab dan Malaysia belum mampu melahirkan pemandu bertaraf dunia selepas Alex Yoong.

Menurutnya, sebagai pihak yang diberi tanggungjawab menyelenggara Litar F1 Sepang dan menjadi penganjur beberapa perlumbaan bertaraf dunia, SIC yakin minat terhadap sukan permotoran di negara ini semakin berkembang berdasarkan minat penyertaan perlumbaan tempatan yang bertambah setiap tahun.

Perkembangan itu sekali gus turut membantu industri automotif di negara ini di samping menyuntik sikap profesional di kalangan peserta dan pasukan tempatan.

"Tetapi SIC bukan berfungsi untuk menubuhkan pasukan lumba dan terpulanglah kepada syarikat korporat tempatan untuk meneroka peluang itu. Mereka boleh mengesan bakat tempatan dalam banyak perlumbaan yang kami anjurkan atau perlumbaan yang diadakan di Litar Sepang," katanya, semalam.

Bercakap selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian perkongsian antara Telekom Malaysia Berhad sebagai Pembekal Rasmi Telekomunikasi kepada SIC di Menara Kuala Lumpur semalam, Mokhzani berkata tugas untuk melahirkan pemandu dan penunggang tempatan terletak di bahu syarikat korporat yang terbabit secara langsung atau tidak langsung dengan industri permotoran.

Malangnya, beliau berkata, masih banyak syarikat besar di negara ini keberatan untuk membabitkan diri secara langsung sebagai penaja atau pemilik pasukan biarpun ada banyak acara perlumbaan peringkat tempatan dijalankan.

"Dari satu segi, kita harus akui dan faham ia lazimnya membabitkan belanja yang besar tetapi mereka harus faham bahawa ini adalah satu kaedah publisiti yang amat berjaya di samping dapat membantu negara melahirkan pemandu atau penunggang berbakat yang boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, tempoh enam tahun sejak pembinaan Litar F1 Sepang juga adalah tempoh yang terlalu singkat untuk melahirkan seorang pemandu atau penunggang di peringkat antarabangsa tetapi Malaysia sudah boleh melihat hasil awal jumlah pemandu atau penunggang muda yang semakin ramai.

"Daripada kuantiti, barulah kita mempunyai pemandu atau penunggang yang berkualiti dan kesan ini boleh dilihat pada hari ini. Tidak mustahil kita akan dapat melihat wakil Malaysia sekali lagi dalam perlumbaan Formula Satu dalam tempoh empat atau lima tahun nanti," katanya.